

RUZAINI SULAIMAN @ ABD RAHIM

Diaspora Komuniti Cina Seberang Laut ke Selangor di Tanah Melayu, 1896 – 1939

IKHTISAR: Makalah ini bertujuan mengkaji tentang diaspora komuniti Cina Seberang Laut ke Selangor semasa penjajahan British. Komuniti Cina yang datang ke Tanah Melayu mempunyai satu tujuan, iaitu lari dari kemiskinan hidup yang penuh dengan penderitaan dan kesengsaraan di tanah air mereka dengan harapan dapat mengumpul kekayaan. Tarikan mendapat kekayaan terus mendorong mereka untuk mencuba nasib di Tanah Melayu, khususnya di Selangor dengan tiada niat untuk menetap secara kekal. Mereka berazam untuk kembali semula ke Cina apabila berjaya dalam hidup dan mempunyai harta yang banyak. Mereka meninggalkan keluarga dan sentiasa mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Cina. Tetapi apabila sebahagian dari mereka yang gagal untuk pulang ke Cina, atas pelbagai faktor, akan mengambil keputusan untuk terus menetap secara kekal di Tanah Melayu. Di samping komuniti Cina yang telah tersedia menetap kekal, penghijrahan masuk terus-menerus komuniti Cina Seberang Laut ke Selangor menjadi semakin rancak, apabila kerajaan Cina membatalkan sekatan ke luar negara dan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri yang terletak di kawasan perlombongan timah di Selangor menjadi tumpuan utama komuniti ini.

KATA KUNCI: Diaspora, komuniti Cina Seberang Laut, Selangor, menetap secara kekal, penghijrahan masuk, dan perlombongan timah.

ABSTRACT: “Overseas Chinese Diaspora Community to Selangor in Malaya, 1896 – 1939”. This paper aims to investigate the Overseas Chinese diaspora communities to Selangor during British colonial rule. Chinese community came to Malaya with the sole purpose of running away from poverty and full of suffering and misery in their homeland in the hope of accumulating wealth. Highlights have continued to push their wealth to try his luck in Malaya, especially in the state of Selangor with no intent to reside permanently. They have determined to return to China when successful in life and have a lot of property. They leave family and always send money to family members in China. But, when some of them who failed to return to China, on a range of factors, will decide to continue to reside permanently in Malaya. In addition, beside the Chinese community who settled in place, migration of Overseas Chinese communities continues and become more vibrant to Selangor, when Chinese government revoke restrictions abroad and Kuala Lumpur as the capital city of state in the tin mining in Selangor is the main focus of this community.

KEY WORD: Diaspora, Overseas Chinese communities, Selangor, permanent resident, migration, and tin mining.

PENDAHULUAN

Penghijrahan komuniti Cina Seberang Laut ke Selangor semakin rancak apabila kerajaan Cina membatalkan

sekatan ke luar negeri pada tahun 1893 dan berlaku pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 yang terdiri daripada Selangor, Perak,

About the Author: Ruzaini Sulaiman @ Abd Rahim, Ph.D. ialah Pensyarah di Jabatan Kenegaraan dan Peradaban, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal UMT (Universiti Malaysia Terengganu). Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan nombor talifon: +6096683682 dan alamat emel: ruzaini@umt.edu.my

How to cite this article? Sulaiman @ Abd Rahim, Ruzaini. (2014). “Diaspora Komuniti Cina Seberang Laut ke Selangor di Tanah Melayu, 1896 – 1939” in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.2(2), September, pp.179-188. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808. Available online also at: <http://susurgalur-jksps.com/diaspora-komuniti-cina-seberang-laut/>

Chronicle of the article: Accepted (April 17, 2014); Revised (June 12, 2014); and Published (September 24, 2014).

Negeri Sembilan, dan Pahang dengan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri dan pusat pentadbirannya. Bagi tujuan memudahkan penyelarasan, baik dalam politik mahupun dalam pembangunan ekonomi, pembentukan ini secara tidak langsung menjadikan pentadbiran British bertambah licin dan kuat (Saunders, 1977:21).

Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 ini merupakan kemuncak kepada kemasukan secara besar-besaran komuniti Cina dan berlakunya penempatan kekal di negeri-negeri lindungan British di Tanah Melayu. Menjelang kurun ke-20, tiada sebarang cubaan untuk menyekat kemasukan orang Cina (Emerson, 1964). Mereka datang, bekerja, dan menyimpan beberapa banyak wang yang boleh mereka dapat, sebelum balik ke negara asal mereka. Bagi yang ingin menetap di Selangor, mereka membentuk satu organisasi tersendiri, yang menyamai keadaan asal negara mereka. Perhubungan dengan penduduk tempatan jarang berlaku, disebabkan perbezaan aktiviti ekonomi, bahasa, agama, dan kebudayaan.

PENEMPATAN KEKAL KOMUNITI CINA SEBERANG LAUT


Penempatan komuniti Cina melibatkan semua daerah di Selangor, tetapi bilangan mereka bagi setiap daerah itu adalah bergantung kepada kegiatan ekonomi utama kumpulan mereka, yang menyebabkan berlaku ketidakseimbangan bilangan komuniti Cina bagi setiap daerah tersebut. Maklumat dalam rajah 1 menunjukkan bahawa keseluruhan penduduk Cina yang telah membina penempatan di setiap daerah di Selangor dari tahun 1901 hingga 1947.

Kajian menunjukkan bahawa daerah Kuala Lumpur merupakan kawasan penempatan yang paling diminati oleh komuniti Cina, kerana peluang

pekerjaan yang disediakan di kawasan tersebut bersesuaian dengan mereka. Ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada rajah 1, dimana jumlah mereka sentiasa bertambah setiap tahun, walau dalam apa jua situasi ekonomi, samada ketika kemelesetan atau stabil. Tumpuan penempatan komuniti Cina di daerah ini adalah disebabkan oleh perkembangan perindustrian perlombongan dan aktiviti perdagangan yang paling pesat di Selangor.

Dalam tempoh sepuluh tahun, dari 1901 hingga 1911, berlaku peningkatan komuniti Cina yang paling ketara dengan jumlah peningkatan paling tinggi iaitu 30,308 orang, atau 49.9 peratus, berbanding daerah-daerah yang lain. Dalam tempoh 1911 hingga 1921, peningkatan komuniti Cina di daerah ini hanya berlaku dalam jumlah yang kecil sahaja. Ini adalah disebabkan oleh sepanjang tempoh berlaku ketidaktentuan ekonomi yang membawa kepada kejatuhan harga timah di pasaran antarabangsa, yang menyebabkan orang Cina kurang berminat untuk berhijrah ke kawasan bandar dan terlibat dalam aktiviti perlombongan. Sepanjang tempoh 1921 hingga 1931 pula, keadaan di Selangor berada dalam keadaan ekonomi yang stabil dan menyebabkan kehidupan penduduk, terutama komuniti Cina, berada dalam keadaan selesa dan aman yang menyebabkan mereka terus memenuhi daerah Kuala Lumpur.

Daerah kedua yang menjadi tumpuan komuniti Cina adalah daerah Ulu Selangor. Antara kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan mereka adalah Kuala Kubu Baru, Rawang, Serendah, dan Rasa. Walaupun penduduk Cina mengalami sedikit kemerosotan pada tahun 1911, iaitu sebanyak 2,674 atau 8.3 peratus, ia masih mampu meletakkan daerah ini sebagai daerah pilihan komuniti Cina untuk membina penempatan.



Rajah 1:
Penempatan Komuniti Cina Mengikut Daerah, 1901-1947

Sumber: “Federated Malay States: Census of the Population 1901” dalam *CO [Colonial Office] 439/2, 1901*, ms.15; “Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney” dalam *CO [Colonial Office]*; ms.96; “The Census of British Malaya (the Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunai) 1921 by J.E. Nathan” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.63; “British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic by C.A. Vlieland, Superintendent of Census” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.185; dan “The Federation of Malaya and the Colony of Singapore: A Report on the 1947 Census of Population by M.V. Del Tufo, Malayan Civil Service” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.136.

Menurut A.M. Pountney,¹ dua daerah utama perlombongan timah di Ulu Selangor, iaitu Serendah dan Rawang, telah mengalami pengurangan penduduk Cina seramai 1,600 di Serendah dan 2,000 orang di Rawang sepanjang tempoh 1901 hingga 1911, tetapi ia tidak menjejaskan tumpuan orang Cina untuk terus berhijrah masuk ke daerah ini. Kegiatan aktiviti perlombongan timah yang aktif terus mendorong kumpulan ini berhijrah dan menetap di Ulu Selangor.

¹Beliau merupakan *Superintendent of Census 1911* bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Lihat, selanjutnya, “Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.26.

Selain daripada daerah Kuala Lumpur dan Ulu Selangor yang terlibat dengan aktiviti utama perlombongan timah, daerah Klang dan Ulu Langat juga dikenali sebagai kawasan perlombongan. Saudagar-saudagar Cina yang kaya-raya, juga merangkap ketua-ketua bagi komuniti Cina di Selangor, telah berusaha keras untuk mendapatkan kelulusan membuka kawasan-kawasan tanah baru untuk mengusahakan aktiviti perlombongan, yang menyebabkan kawasan ini turut menjadi tumpuan orang Cina. Tumpuan komuniti Cina di kedua-dua daerah ini semakin ketara apabila pihak British meluluskan tanah-tanah kepada saudagar atau ketua orang Cina untuk dijadikan sebagai kawasan

perlombongan dan pertanian. Buktinya, pada 17 Julai 1896, pihak British telah meluluskan permohonan tanah seluas 500 ekar untuk tujuan perlombongan timah kepada saudagar Loke Yew di kawasan Sungai Long, Ulu Langat (Gullick, 2004:184).²

Pihak British pula turut meluluskan permohonan tanah perlombongan di daerah yang sama seluas 41 ekar, yang memerlukan kepada 205 buruh lombong pada 1 September 1903, yang dimohon oleh *Tauke* Kan Ching dan *Tauke* Chew Ngim.³ Kelulusan ini telah menyumbang kepada peningkatan jumlah penduduk Cina di daerah tersebut, kerana mereka sedaya upaya akan mendapatkan tenaga buruh dari kumpulan mereka. Di samping itu, tarikan secara tidak langsung kepada buruh-buruh tersebut ialah apabila mereka mengetahui bahawa kawasan-kawasan perlombongan itu berada di bawah penguasaan suku mereka.

Jika dilihat daerah Kuala Selangor dan Kuala Langat pula, kedua-dua kawasan ini menerima kemasukan orang Cina yang paling minimum sekali. Tarikan orang Cina untuk membina penempatan di kedua-dua kawasan ini kurang, disebabkan oleh kedua-dua kawasan tersebut merupakan kawasan pertanian dan perladangan,

²Mengenai Loke Yew, beliau dilahirkan di wilayah Guandong dalam sebuah keluarga yang mempunyai budi pekerti yang baik dan disanjung oleh masyarakat setempat. Beliau merupakan anak lelaki tunggal daripada empat adik-beradik dan telah mengusahakan aktiviti perlombongan di Perak sebelum berhijrah ke Selangor dan menjadi usahawan terkenal dalam industri perlombongan, perdagangan, dan perladangan getah di Selangor dan Pahang. Selain mempunyai aset di Selangor, Singapura, dan Pahang, Loke Yew juga mempunyai aset di beberapa buah negara lain, iaitu Cina dan Hong Kong. Beliau meninggal dunia pada 24 Februari 1917. Lihat, selanjutnya, "Application from the Capitan China and Loke Yew for 500 Acres for Mining Land at Sungai Long: The Former for 300 Acres and the Latter for 200 Acres" dalam *Fail Ulu Langat: 3830/1896*. Surat kelulusan yang bertarikh 17 Julai 1896 ini telah dikeluarkan oleh Pegawai Daerah Ulu Langat kepada kerajaan negeri Selangor.

³Lihat "Application for Mining Land by Kan Ching and Chew Ngim, Kajang" dalam *Fail Ulu Langat: 4881/1903*. Surat kelulusan telah dikeluarkan oleh Penolong Pegawai Daerah Ulu Langat kepada kerajaan negeri Selangor pada 1 September 1903.

yang mana ia tidak begitu sesuai dengan keupayaan atau kemahiran yang ada pada orang Cina. Tetapi jika dilihat dari segi peratusan peningkatan populasi Cina, kedua-dua kawasan ini menunjukkan kadar peratusan yang tinggi, walaupun peningkatan dalam jumlah bilangan mereka rendah berbanding daerah-daerah lain.⁴ Di samping kawasan tersebut merupakan kawasan yang hanya sesuai untuk tujuan pertanian dan juga telah dipenuhi oleh orang Melayu, yang membina penempatan mereka sekian lama sebelum kemasukan orang Cina ke Selangor.

DIASPORA KUMPULAN SUKU KOMUNITI CINA KE SELANGOR

Komuniti Cina yang datang ke Selangor terdiri daripada pelbagai suku seperti *Hakka*, *Kantonis*, *Hokkien*, *Teo-Chiu*, *Kwong Sai*, *Hailam*, dan lain-lain.⁵

⁴"Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.96.

⁵Mengenai pelbagai suku komuniti Cina ini, Kok Loy Fatt (1983:27-28) menjelaskan sebagai berikut: (1) *Hakka* atau *Kheh* merupakan suku yang berasal dari kawasan pedalaman Hui Chiu, wilayah Guandong. Kebanyakan daripada mereka dan suku *Kantonis* terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah secara aktif. Mereka juga terlibat dalam aktiviti pertanian di daerah-daerah yang tiada aktiviti perlombongan dijalankan, seperti di Pahang dan Negeri Sembilan. Mereka sentiasa melakukan kesalahan-kesalahan jenayah berbanding suku-suku yang lain; (2) *Kantonis* dikenali sebagai suku yang memiliki tahap pendidikan yang baik, cerdik, dan taat kepada undang-undang di negara yang didiaminya. Mereka adalah suku yang paling menonjol dan terlibat dalam banyak lapangan pekerjaan. Mereka turut terlibat secara aktif dalam aktiviti pertanian dan mereka akan memilih untuk menetap di bandar-bandar apabila ada peluang yang menguntungkan. Mereka terlibat secara besar-besaran sebagai buruh-buruh di lombong-lombong bijih timah milik saudagar Cina dan Eropah; (3) *Hokkien* adalah suku yang memilih untuk membina penempatan di kawasan bandar-bandar utama dan merupakan kumpulan yang memiliki kepandaian berniaga dan peruncit. Kebanyakan daripada mereka membina penempatan di Johor, Selangor, dan Perak. Selain daripada terlibat dengan aktiviti perniagaan, mereka juga secara langsung terlibat dalam aktiviti pertanian; (4) *Teo-Chiu* pula mempunyai banyak persamaan dengan *Kantonis* dan mereka kebanyakannya adalah beragama Kristian; (5) *Kwong Sai* merupakan kumpulan dialek yang berasal dari wilayah antara Canton dan Yunnan, dan dikategorikan

Kumpulan terawal dan paling ramai adalah *Hakka* atau *Kheh* yang juga merupakan komuniti perintis dalam industri perlombongan bijih timah di Selangor dan juga terlibat secara aktif dalam bidang tanaman pasar (Loy Fatt, 1983:27). Terdapat lima orang kapitan Cina,⁶ yang dilantik menjadi ketua orang Cina, adalah dari suku *Hakka*. Sebahagian besar komuniti ini bekerja di lombong bijih timah yang dimonopoli oleh pengusaha dari kumpulan mereka sendiri.

Suku *Hokkien* pula merupakan kumpulan kedua yang berhijrah dan menetap di Selangor. Mereka juga terkenal sebagai peniaga yang aktif dan kebanyakannya menetap di kawasan bandar. Kumpulan ketiga yang datang membina penempatan di Selangor adalah suku *Kantonis*, yang berhijrah ketika Yap Ah Loy⁷ menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Hubungan yang baik antara Yap Ah Loy dengan suku *Kantonis*, di samping keperluan tenaga buruh lombong, telah mendorong beliau

menggalakkan kumpulan ini berhijrah ke Selangor. Hasil daripada galakan tersebut, didapati sebahagian besar kumpulan ini terlibat dengan aktiviti perlombongan, terutama di Ampang (Talib Ahmad (1986:28).

Penempatan mengikut suku dalam kalangan komuniti Cina di Selangor boleh dilihat daripada tiga punca utama. *Pertama*, dari segi bahasa pertuturan, komuniti Cina di Tanah Melayu, termasuk Selangor, boleh dibahagikan kepada kumpulan dialek yang tertentu, iaitu: *Hakka*, *Hokkien*, *Kantonis*, *Hailam*, *Teo-Chiu*, serta suku dialek yang lebih kecil seperti *Kwong Sai*, *Hokchia*, dan *Hokchiu*. Dialek-dialek ini adalah sukar untuk difahami antara satu suku dengan suku yang lain (Ahmad, 1993:16-17), dan menyebabkan mereka lebih selesa berada dalam kelompok bahasa pertuturan yang sama. Walaupun sejumlah kecil daripada mereka menggunakan bahasa Mandarin bagi tujuan untuk berkomunikasi atau melibatkan urusan rasmi, namun mereka tetap memilih untuk tinggal bersama kumpulan dialek masing-masing.

Kedua, dari sudut kepakaran atau kebolehan yang dimiliki oleh mereka di samping kedudukan kelas sosial, juga telah mempengaruhi keputusan untuk memilih penempatan yang sesuai bagi mereka. Kebanyakan daripada mereka ialah daripada golongan imigran yang datang dari perkampungan luar bandar yang miskin di negara Cina, tetapi mereka mempunyai kemahiran dan keupayaan dalam pelbagai bidang pekerjaan, yang menyebabkan setiap suku mempunyai kepakaran yang berbeza. Perbezaan kepakaran ini menjadikan mereka lebih selesa berada dalam kumpulan yang sama dan mendiami penempatan yang sama apabila mereka berhijrah ke Tanah Melayu dari negara Cina.

Ketiga, punca kuat yang mempengaruhi pemilihan penempatan

berkelas rendah. Mereka sukar didekati dan tidak suka berhubungan dengan orang lain, melainkan ahli dalam kumpulan mereka sahaja. Kumpulan ini membina penempatan di daerah Kuantan dan bekerja sebagai buruh lombong; dan (6) *Hailam* atau *Hainanese* merupakan kumpulan yang tinggal di bandar dan juga kawasan desa mengikut kecenderungan aktiviti ekonomi mereka dan kebanyakannya mereka terlibat dalam perniagaan runcit dan perkhidmatan domestik. Selain daripada itu, kumpulan ini juga tinggal di daerah-daerah yang sedang dibangunkan dengan kawasan-kawasan perladangan getah.

⁶Mereka terdiri daripada Hiu Siew (1859-1861), Lim Ngim Kong (1861-1868), Yap Ah Loy (1868-1885), Yap Ah Shak (1885-1889), dan Yap Kwan Seng (1889-1901). Lihat, selanjutnya, Kok Loy Fatt (1983:27-28).

⁷Mengenai Yap Ah Loy, beliau merupakan Kapitan Cina yang terkenal dan terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau telah meninggalkan negaranya untuk mencari penghidupan baru di Tanah Melayu ketika berusia 18 tahun, dan negeri yang ditujunya adalah Melaka dan menumpang tinggal dengan saudaranya dengan bekerja sebagai buruh lombong. Sikap tekun bekerja dan berjimat membolehkan beliau menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Beliau telah berpindah ke Lukut yang terkenal sebagai kawasan perlombongan dan seterusnya membuka perniagaan babi sehingga berjaya menjadi saudagar yang kaya raya. Seterusnya, beliau berpindah ke Kuala Lumpur dan terlibat dalam aktiviti perlombongan sehingga diangkat menjadi ketua orang Cina. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1855 sewaktu berusia 48 tahun. Lihat, selanjutnya, J.M. Gullick (1951:14-23) dan A. Talib Ahmad (1986:82-83).

komuniti Cina adalah peranan yang dimainkan oleh saudagar kaya atau pengusaha lombong dan ladang di Selangor. Kebanyakan migran Cina yang dibawa masuk ke Selangor oleh pengusaha atau majikan yang terlibat dalam industri perlombongan timah adalah buruh-buruh yang didatangkan dari kampung halaman atau kampung yang bersebelahan dengan mereka. Kumpulan yang diambil oleh pengusaha atau majikan adalah terdiri daripada kaum atau suku yang sama dengan mereka.⁸

Berdasarkan rajah 2, daripada lima suku di atas, *Hakka* dan *Kantonis* merupakan dua kumpulan suku yang paling ramai mendiami daerah-daerah tertentu di Selangor. Dominasi dua kumpulan ini disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya peranan yang dimainkan oleh ketua-ketua atau Kapitan Cina yang dilantik, pengaruh rakan-rakan atau keluarga yang telah lama menetap di Selangor, bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran mereka, dan sebagainya.

Bagi suku *Hakka*, kumpulan ini mendominasi jumlah penduduk Cina di Selangor dalam tempoh empat puluh tahun, bermula 1891 hingga 1931. Walaupun berlaku kemerosotan suku ini dalam tahun 1921, iaitu sebanyak 3.9 peratus, tetapi bilangan mereka masih tetap mendahului jumlah suku-suku lain. Menurut J.E. Nathan, pengurangan atau kemerosotan jumlah suku *Hakka* ini disebabkan oleh penggunaan jentera mesin yang semakin meluas dalam aktiviti perlombongan. Penggunaan jentera telah mengakibatkan berlaku pengecilan terhadap permintaan tenaga buruh, terutama suku *Hakka*. Menurut J.E. Nathan lagi, di samping pengurangan permintaan tenaga buruh, mereka juga telah bertindak berpindah

ke negeri-negeri lain, seperti Pahang, Negeri Sembilan, dan lain-lain; serta bergiat dalam sektor perladangan atau pertanian.⁹

Pada tahun 1931, suku *Hakka* masih mendominasi jumlah populasi Cina di Selangor; tetapi pada tahun 1947, kumpulan ini berada pada kedudukan ketiga dari segi jumlah keseluruhan populasi Cina. Menurut M.V. Del Tufo, pengurangan jumlah suku *Hakka* mungkin disebabkan oleh kesilapan dalam pengiraan, kerana bagi suku *Hakka* yang datang secara persendirian atau individu mungkin tercicir untuk dikira dan dicatatkan dalam rekod bancian. Kebanyakan suku *Hakka* yang datang secara berkumpulan dari Cina lebih mudah untuk dikesan dan direkodkan.¹⁰ Begitu juga populasi "British Malaya",¹¹ suku *Hakka* berada di tempat ketiga dari segi bilangannya dengan jumlah 318,739 orang pada tahun 1931.¹²

Suku *Kantonis* pula merupakan kumpulan kedua terbesar di Selangor selepas suku *Hakka*. Berdasarkan rajah 2, dalam tempoh sepuluh tahun, 1891-1901, kumpulan *Kantonis* telah menunjukkan peningkatan yang tinggi, iaitu lebih daripada empat kali ganda. Pertambahan mendadak ini disebabkan oleh pelantikan Yap Kwan Seng sebagai Kapitan Cina pada tahun 1889 oleh William E. Maxwell. Beliau memilih Yap Kwan Seng kerana beranggapan bahawa


⁹Lihat, selanjutnya, "The Census of British Malaya (the Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunei) 1921 by J.E. Nathan" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.81.

¹⁰M.V. Del Tufo ialah merupakan *Superintendent of Census 1947* bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Lihat, selanjutnya, "The Federation of Malaya and the Colony of Singapore: A Report on the 1947 Census of Population by M.V. Del Tufo, Malayan Civil Service" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.75.

¹¹"British Malaya" merupakan tanah jajahan atau negeri-negeri lindungan British yang terdiri daripada Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, dan Brunei.

¹²Lihat "British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics by C.A. Vlieland, Superintendent of Census" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.79.

⁸Lihat "Federated Malay States: Selangor Administration Report for the Year 1900 by H. Conway Belfield, on 2 April 1901" dalam *CO [Colonial Office]* 439/2, 1901, ms.164.



Rajah 2:

Populasi Komuniti Cina Mengikut Suku, 1891-1947

Sumber: “Federated Malay States: Census of Population 1901, Compiled by George Thompson Hare, Superintendent of Census” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.31 dan 115; “Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.43-47; “The Census of British Malaya (the Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunai) 1921 by J.E. Nathan” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.79-84; “British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic by C.A. Vlieland, Superintendent of Census” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.185; “The Federation of Malaya and the Colony of Singapore: A Report on the 1947 Census of Population by M.V. Del Tufo, Malayan Civil Service” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.7; dan “Mui Tsai in Hong Kong and Malaya: Report of Commission” dalam *CO [Colonial Office]*, ms.181.

Yap Kwan Seng adalah suku *Hakka*, seperti kapitan-kapitan terdahulu. Pemilihan ini juga disebabkan William E. Maxwell percaya bahawa Yap Kwan Seng mampu menjadi orang tengah yang baik antara pihak British dengan komuniti Cina di Selangor, tetapi beliau tidak mengetahui bahawa Yap Kwan Seng merupakan seorang Guangzhou *Hakka* yang lebih berhubung rapat dengan *Kantonis* berbanding *Hakka*.

Pelantikan Yap Kwan Seng ini telah membawa kepada peningkatan populasi

suku *Kantonis* di Selangor dan keadaan ini berlanjutan selepas kematian Yap Kwan Seng kerana rakan karibnya, Loke Yew, terus membawa masuk suku *Kantonis* untuk memenuhi tenaga kerja di pelbagai sektor di Selangor.¹³ Peningkatan suku *Kantonis* ini terus

¹³Lihat, contohnya, “The Administration Report of the State of Terengganu for the Year 1889 by W.E. Maxwell, 17 March 1890” dalam *CO [Colonial Office]* 439/1, 1890, ms.76; dan “Federated Malay States: Administration Report of the States of Selangor for the Year 1889 by W.E. Maxwell, on 17 March 1890” dalam *CO [Colonial Office]* 439/1, 1890.

berlaku sehingga tahun 1947, apabila didapati populasi mereka berada di kedudukan kedua paling ramai di Selangor. Pengurangan suku *Hakka* pada tahun 1947, telah diimbangi oleh suku *Kantonis* dengan pertambahan seramai 36,734 orang dan suku *Hokkien* pula seramai 44,162 orang.

Populasi suku *Hokkien* bermula dengan jumlah yang sangat kecil, tetapi telah meningkat dengan cepat, sehingga pada tahun 1947, menjadikan mereka sebagai kumpulan paling ramai di Selangor mengatasi suku *Hakka* dan *Kantonis*. Pertambahan yang besar suku *Hokkien* ini berlaku pada tahun 1931 di dua daerah, iaitu Klang dan Kuala Langat, akibat daripada perkembangan aktiviti pertanian. Mereka telah dibawa masuk bagi memenuhi permintaan dan keperluan tenaga buruh dalam sektor pertanian yang sedang berkembang maju selepas pendudukan Jepun. Di samping terlibat dalam sektor pertanian, mereka juga aktif menjalankan aktiviti perniagaan, seperti pekedai runcit, peniaga sayur-sayuran, dan sebagainya.¹⁴ Pertambahan suku ini berlaku secara terus-menerus sepanjang tempoh yang dicatatkan di atas.

Bagi suku *Hailam* pula, kumpulan ini hanya menyumbang sebahagian kecil sahaja kepada jumlah populasi Cina di Selangor. Didapati pada tahun 1901, populasi mereka hanya berjumlah 3,396 dengan pecahan jantina, lelaki berjumlah 3,328 dan wanita hanya 68 orang sahaja.¹⁵ Daripada jumlah lelaki ini, sebahagian besar dari mereka terdiri daripada lelaki bujang yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kecil. Di

samping itu, dalam hierarki sosial, kedudukan mereka jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan dialek yang lain adalah paling kecil dan termasuk dalam kelas buruh yang tidak mahir, menyebabkan mereka terpaksa menerima kerja-kerja yang tidak diinginkan oleh suku-suku lain.

Satu sikap yang ada pada lelaki suku *Hailam* ini ialah mereka tidak membawa wanita untuk berhijrah bersama mereka, menyebabkan suku ini mempunyai *sex-ratio* yang paling tidak seimbang mengikut perangkaan tahun 1921.¹⁶ Jika dilihat di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, pada tahun 1891, hanya terdapat 42 wanita suku *Hailam* dan 154 orang pada tahun 1901. Jumlah ini meningkat kepada 333 orang pada 1911, tetapi mereka ini dipercayai adalah wanita suku *Kantonis* yang mengikuti lelaki suku *Hailam* untuk sama-sama berhijrah ke Tanah Melayu.¹⁷

Keadaan ini berlaku disebabkan sudah menjadi adat resam atau satu kelaziman bagi wanita suku *Hailam*, yang dilarang mengikuti suami atau keluarganya berhijrah ke luar. Tetapi ramai lelaki suku *Hailam* yang berada di Selangor tinggal bersama-sama dengan wanita Cina, terutamanya suku *Kantonis* dan *Teo-Chiu*; dan apabila melahirkan anak, mereka akan diserapkan kedalam kumpulan suku *Hailam*. Hal ini memungkinkan ramai wanita yang tinggal bersama dengan lelaki suku *Hailam* akan mengisytiharkan diri mereka sama warganegara dengan suaminya atau lelaki suku *Hailam* tersebut.¹⁸

¹⁴Lihat juga "Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.45; dan "The Federation of Malaya and the Colony of Singapore: A Report on the 1947 Census of Population by M.V. Del Tufo, Malayan Civil Service" dalam *CO [Colonial Office]*.

¹⁵Lihat "Federated Malay States: Census of Population 1901, Compiled by George Thompson Hare, Superintendent of Census" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.115.

¹⁶Lihat "The Census of British Malaya (the Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunai) 1921 by J.E. Nathan" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.84.

¹⁷Lihat juga "Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.46.

¹⁸Lihat "The Census of British Malaya (the Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu,

Populasi suku *Teo-Chiu* juga lebih-kurang sama dengan suku *Hailam*, dimana populasi mereka hanya memberi sumbangan yang kecil kepada keseluruhan komuniti Cina di Selangor. Pada tahun 1901, lelaki suku *Teo-Chiu* berjumlah 3,982 dan wanita pula berjumlah 188 orang sahaja.¹⁹ Jika dilihat nisbah jantina kumpulan ini bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah empat belas lelaki suku *Teo-Chiu* bagi satu wanita suku *Teo-Chiu*. Mereka ini didapati mendiami kebanyakan daerah maritim di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan sebahagian besar daripada mereka adalah nelayan.²⁰ Di Selangor pula, mereka mendiami kawasan-kawasan pertanian, seperti Kuala Selangor, Kuala Langat, dan Klang. Mereka juga didapati mendiami daerah Kuala Lumpur, dimana kebanyakan yang tinggal di daerah ini terdiri daripada peniaga dan juga buruh lombong.

KESIMPULAN

Dapatan hasil kajian tentang dispora komuniti Cina Seberang Laut ke Tanah Melayu, khususnya Selangor, mendapati bahawa penghijrahan komuniti ini terus berlaku dalam apa jua situasi, kerana didorong oleh desakan hidup di negara Cina dan tarikan kemewahan yang terdapat di Selangor sebagai sebuah negeri utama pengeluar bijih timah di Tanah Melayu. Sama ada mereka datang sebagai buruh mahir atau tidak mahir, keinginan dan niat yang ada pada mereka tetap sama, iaitu untuk mengumpul seberapa banyak kekayaan dan pulang semula ke Cina. Keinginan dan impian sebahagian

besar komuniti Cina menjadi kenyataan, antaranya bertitik tolak daripada hubungan yang baik antara komuniti ini dengan pihak British.

Pihak British telah memberi peluang dan kelonggaran kepada saudagar-saudagar Cina yang kaya-raja untuk membawa masuk seberapa ramai buruh Cina bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di perusahaan milik mereka. Walaupun berlaku penghantaran pulang sekumpulan buruh-buruh Cina, akibat desakan kemerosotan ekonomi, namun ia tidak menjejaskan jumlah populasi komuniti Cina di Selangor. Peningkatan penduduk Cina, sama ada disebabkan oleh faktor imigrasi atau kerancakan kadar kelahiran, mereka didapati terus mendominasi jumlah penduduk di Selangor, sekali gus mampu menguasai ekonomi perindustrian di Selangor.

Sebahagian besar komuniti Cina yang berhijrah ke Selangor dalam tempoh kajian didapati menetap secara bertaburan dan berselerak mengikut komuniti yang dibentuk berasaskan ciri asal-usul mereka dari kawasan dan pertuturan dialek yang sama. Mereka berasal dari keturunan atau imigran dari kawasan dan daerah perkampungan yang sama atau berdekatan di Cina. Majoriti orang Cina di daerah dan perkampungan selatan Cina yang membina penempatan di Selangor adalah terdiri daripada ahli keluarga dan saudara mara dan mempunyai nama utama keluarga atau *surname* yang diwarisi turun-temurun. Hubungan kekeluargaan dan nama utama keluarga terus digunakan sebagai dorongan kuat dalam menyatupadukan komuniti ini di kawasan mereka menetap.

and Brunai) 1921 by J.E. Nathan" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.84.

¹⁹Lihat "Federated Malay States: Census of Population 1901, Compiled by George Thompson Hare, Superintendent of Census" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.115.

²⁰Lihat juga "Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney" dalam *CO [Colonial Office]*, ms.46.

Bibliografi

Ahmad, Hussin. (1993). *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi, dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- “Application from the Capitan China and Loke Yew for 500 Acres for Mining Land at Sungai Long: The Former for 300 Acres and the Latter for 200 Acres” dalam *Fail Ulu Langat: 3830/1896*. Surat kelulusan yang bertarikh 17 Julai 1896 ini telah dikeluarkan oleh Pegawai Daerah Ulu Langat kepada kerajaan negeri Selangor.
- “Application for Mining Land by Kan Ching and Chew Ngim, Kajang” dalam *Fail Ulu Langat: 4881/1903*. Surat kelulusan telah dikeluarkan oleh Penolong Pegawai Daerah Ulu Langat kepada kerajaan negeri Selangor pada 1 September 1903.
- “British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic by C.A. Vlieland, Superintendent of Census” dalam *CO [Colonial Office]*.
- Emerson, Rupert. (1964). *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- “Federated Malay States: Administration Report of the States of Selangor for the Year 1889 by W.E. Maxwell, on 17 March 1890” dalam *CO [Colonial Office] 439/1, 1890*.
- “Federated Malay States: Census of Population 1901, Compiled by George Thompson Hare, Superintendent of Census” dalam *CO [Colonial Office]*.
- “Federated Malay States: Census of the Population 1901” dalam *CO [Colonial Office] 439/2, 1901*.
- “Federated Malay States: Selangor Administration Report for the Year 1900 by H. Conway Belfield, on 2 April 1901” dalam *CO [Colonial Office] 439/2, 1901*.
- “Federated Malay States: Review of the Census Operations and Results, Including Tables Exhibiting the Population by Sex, Age, Birthplace, Religion, and Occupation 1911, Compiled by A.M. Pountney” dalam *CO [Colonial Office]*.
- Gullick, J.M. (1951). “Yap Ah Loy, 1837-1885, by S.M. Middlebrook with an Introduction and Three Final Chapters” dalam *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Volume XXIV Part 2, July 1951, ms.14-23.
- Gullick, J.M. (2004). “A History of Selangor, 1766-1939” dalam *MBRAS (the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society), Monograph 28*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, revised edition.
- Loy Fatt, Kok. (1983). “Chinese Mining Labour in Ampang, 1900-1914” dalam *Malaysia in History*, Vol.26, ms.27-28.
- “Mui Tsai in Hong Kong and Malaya: Report of Commission” dalam *CO [Colonial Office]*.
- Saunders, G. (1977). *The Development of a Plural Society in Malaya*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Talib Ahmad, A. (1986). *Perang Saudara di Selangor, 1868-1873*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- “The Administration Report of the State of Terengganu for the Year 1889 by W.E. Maxwell, 17 March 1890” dalam *CO [Colonial Office] 439/1, 1890*.
- “The Census of British Malaya (the Straits Settlement, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunai) 1921 by J.E. Nathan” dalam *CO [Colonial Office]*.
- “The Federation of Malaya and the Colony of Singapore: A Report on the 1947 Census of Population by M.V. Del Tufo, Malayan Civil Service” dalam *CO [Colonial Office]*.